NEGERI PERAK

# Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

*GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE*

*PUBLISHED BY AUTHORITY*

| | | |
|---|---|---|
| Jil. 71<br>Bil. 21 | **27hb September 2018** | *TAMBAHAN*<br>*No. 3* |


**No. 2683.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH SELAMA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

*Pendapat*

Penyata Kewangan Majlis Daerah Selama telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 19.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Selama pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).

*Asas Kepada Pendapat*

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti

audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Selama dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions.

*Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya*

Ahli Majlis Majlis Daerah Selama bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Selama tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

*Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Ahli Majlis Daerah Selama yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*), Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Selama adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Selama, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Selama untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

*Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan*

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Selama secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan

Majlis Daerah Selama, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Selama.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Selama sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Selama atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya . dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Selama memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

*Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain*

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Selama telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

*Hal-hal lain*

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

ROKIAH BINTI SAAD
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

IPOH
15 Jun 2017

PENYATAAN OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH SELAMA
PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, Yong Jaw Keang dan Mohammad Saufee bin Shamsuddin, yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Daerah Selama dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta Nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Selama pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

t.t.
YONG JAW KEANG
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Selama*
*Tarikh: 31 Mar 2017*

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

t.t.
MOHAMMAD SAUFEE BIN SHAMSUDDIN
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Selama*
*Tarikh: 31 Mar 2017*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG
BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Mohd Amzari bin Mohd Arzami, pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas kewangan Majlis Daerah Selama, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )
penama yang tersebut di atas )
di Selama pada 31 Mar 2017 )

t.t.
..........................................................
MOHD AMZARI BIN MOHD ARZAMI
*Yang Dipertua*
*Majlis Daerah Selama*

Di hadapan saya,

MOHAMAD RAMADAN BIN ISMAIL
Pesuruhjaya Sumpah
Negeri Perak

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

| | NOTA | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|---|
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 14,861,909 | 13,754,167 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 5 | 393,994 | 0 |
| ASET SEMASA | | | |
| Penghutang | 6 | 493,986 | 334,358 |
| Pendahuluan Pinjaman | 7 | 22,997 | 28,505 |
| Bayaran Terdahulu | 8 | 9,953 | 19,275 |
| Cagaran Dibayar | 9 | 8,103 | 8,103 |
| Wang di Bank dan di Tangan | 10 | 2,158,260 | 827,419 |
| Simpanan Tetap | 11 | 158,667 | 150,000 |
| | | 2,851,966 | 1,367,660 |
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pemiutang | 12 | 211,722 | 147,856 |
| Terimaan Terdahulu | 13 | 6,781 | 7,336 |
| Cagaran Diterima | 14 | 254,766 | 221,250 |
| | | 473.269 | 376.442 |
| ASET SEMASA BERSIH | | 2,378,697 | 991,218 |
| | | 17,634,600 | 14,745,385 |
| Dibiayai oleh: | | | |
| Kumpulan Wang | 15 | 3,720,201 | 2,319,119 |
| Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | 16 | 13,914,399 | 12,426,266 |
| | | 17,634,600 | 14,745,385 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| PENDAPATAN | | | |
| Hasil Cukai | 17 | 713,230 | 695,475 |
| Hasil Bukan Cukai | 18 | 1,200,277 | 1,109,880 |
| Terimaan Bukan Hasil | 19 | 2,731,948 | 2,341,373 |
| JUMLAH | | 4,645,455 | 4,146,728 |

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—*(Sambungan)*

| | NOTA | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|---|
| Tolak: | | | |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 20 | 2,856,965 | 2,602,937 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 21 | 894,340 | 793,067 |
| Harta Modal | 22 | 42,990 | 5,475 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 23 | 20,588 | 43,125 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | 24 | 104,636 | 89,593 |
| Susutnilai | 4 | 689,183 | 652,193 |
| Jumlah | | 4,608,702 | 4,186,390 |
| Kurangan Pendapatan Atas Perbelanjaan | | 36,753 | (39,662) |

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | Nota | Kumpulan Wang Terkumpul | Kumpulan Wang Perkhidmatan Kemajuan | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan/ Komputer | Kumpulan Wang Program Pembasmian Kemiskinan Bandar | Kumpulan Wang Rumah Rehat | Kumpulan Wang Amanah Jalanraya | Kumpulan Wang Ransangan Ekonomi | Kumpulan Wang Caj Pemajuan | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Baki pada 1hb. Januari 2015 | | 1,705,955 | 300,170 | 104,000 | 5,221 | 24,121 | 27,394 | 0 | 0 | 2,166,861 |
| Kurangan Pendapatan Bagi Tahun | | (39,662) | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | (39,662) |
| Tambahan Sumbangan Semasa | | 0 | 1,221,623 | 0 | 3,594 | 230,774 | 61,488 | 828 | 0 | 1,518,307 |
| Perbelanjaan | | 0 | (1,010,755) | 0 | (5,954) | (233,832) | (75,836) | (10) | 0 | (1,326,387) |
| Baki pada 31hb. Disember 2015 | | 1,666,293 | 511,038 | 104,000 | 2,861 | 21,063 | 13,046 | 818 | 0 | 2,319,119 |
| Pelarasan Tahun Lalu | 15 | 53,632 | 7,786 | 0 | 0 | 42,941 | (13) | 0 | 010 | 104,346 |
| Baki pada 31hb. Disember 2015 Dinyatakan Semula | | 1,719,925 | 518,824 | 104,000 | 2,861 | 64,004 | 13,033 | 818 | 0 | 2,423,465 |
| Lebihan Pendapatann Bagi Tahun | | 36,753 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 0 | 36,753 |
| Tambahan Sumbangan Semasa | | 0 | 2,068,581 | 0 | 0 | 282,447 | 72,482 | 0 | 159,600 | 2,583,110 |
| Perbelanjaan | | 0 | (957,635) | 0 | 0 | (284,815) | (80,677) | 0 | 0 | (1,323,127) |
| Baki pada 31hb. Disember 2016 | | 1,756,678 | 1,629,770 | 104,000 | 2,861 | 61,636 | 4,838 | 818 | 159,600 | 3,720,201 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan/(Kurangan) Pendapatan Atas Perbelanjaan | 36,753 | (39,662) |
| Pelarasan Untuk: | | |
| Susutnilai hartanah, loji dan peralatan | 689,183 | 652,193 |
| Peruntukan Hutang Ragu | 18,585 | 14,529 |
| Pemberian Kerajaan | 2,102,821 | 557,410 |
| Pelarasan Tahun Lepas | 104,346 | (9,309) |
| Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | (614,689) | (582,680) |
| Pelarasan dalam tahun | (50,714) | 0 |
| Kerja dalam pelaksanaan | (393,994) | 0 |
| Peruntukan Susutnilai Terlebih Ambilkira | (2) | (4) |
| Faedah dan Perolehan Dari Pelaburan | (13,880) | (7,603) |
| Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan Sebelum Perubahan Modal Kerja | 1,878,409 | 584,874 |
| Pertambahan dalam Penghutang | (178,213) | (126,684) |
| Pertambahan/(Pengurangan) dalam Pinjaman Kenderaan/Komputer | 5,508 | (2,701) |
| (Pengurangan)/Pertambahan dalam Bayaran Terdahulu | 9,322 | (3,173) |
| Pertambahan dalam Pemiutang | 63,866 | 68,231 |
| (Pengurangan)/Pertambahan dalam Terimaan Terdahulu | (555) | 1,749 |
| Pertambahan dalam Pertaruhan Diterima | 33,516 | 28,105 |
| Pertambahan dalam Kumpulan Wang | 1,310,697 | 191,921 |
| Aliran Tunai Bersih Diperolehi Daripada Aktiviti Operasi | 3,122,550 | 742,322 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Terimaan Faedah dan Perolehan dari Pelaburan | 13,880 | 7,603 |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (1,796,922) | (632,927) |
| Aliran tunai bersih digunakan untuk Aktiviti Pelaburan | (1,783,042) | (625,324) |

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN | | |
| Pertambahan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | 1,339,508 | 116,998 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun | 977,419 | 860,421 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun | 2,316,927 | 977,419 |
| Diwakili Oleh: | | |
| Wang di Bank dan di Tangan | 2,158,260 | 827,419 |
| Simpanan Tetap | 158,667 | 150,000 |
| | 2,316,927 | 977,419 |

## NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Selama ke Arah Bandar Lestari Berasaskan Pertanian Moden, Persekitaran Yang Kondusif, Selamat dan Sejahtera Menjelang Tahun 2015.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Majlis Daerah Selama adalah sebuah organisasi yang dipertanggungjawabkan untuk memberi perkhidmatan perbandaran yang berkualiti melalui perancangan pembangunan yang teratur dan perkhidmatan sosial dengan menyediakan kemudahan dan perkhidmatan awam serta kemudahan sosial dan rekreasi.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 7 Jabatan dan 5 unit iaitu:

1.3.1 Jabatan Khidmat Pengurusan

1.3.2 Jabatan Perbendaharaan

1.3.3 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—*(sambungan)*

1.3 STRUKTUR ORGANISASI—*(Sambungan)*

1.3.4 Jabatan Kesihatan Awam
1.3.5 Jabatan Perancang Bandar
1.3.6 Jabatan Kejuruteraan
1.3.7 Jabatan Kawalan Bangunan
1.3.8 Unit Korporat dan Perhubungan Awam
1.3.9 Unit Pusat Sehenti
1.3.10 Unit Undang-undang
1.3.11 Unit Audit Dalam
1.3.12 Unit Teknologi Maklumat

1.4 PERJAWATAN

| Kumpulan Perjawatan | Waran Perjawatan | Taraf Jawatan | Diisi |
|---|---|---|---|
| Pentadbiran dan Diplomatik | - | Yang Dipertua (Ketua Pen. Peg. Daerah) | 1 |
| Pengurusan dan Profesional | 1 | Tetap | 1 |
| Kumpulan Pelaksana | 80 | Tetap<br>Kontrak | 74<br>2 |
| Jumlah | 81 | | 78 |

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 16 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberikan di bawah:

i. Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171)
ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
iii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan
iv. Undang-undang Kecil yang diluluskan

Lembaga /Jawatankuasa-Jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

i. Lembaga Perlantikan Anggota
ii. Lembaga Kenaikan Pangkat
iii. Lembaga Tatatertib
iv. Jawatankuasa Kecil Pembukaan Sebutharga dan Penilaian Tender
v. Jawatankuasa Kecil Penerimaan Sebutharga

vi. Jawatankuasa Kecil Bantahan/Cukai Taksiran

vii. Jawatankuasa Kecil Lalulintas

1.5 PENGURUSAN MAJLIS—*(Sambungan)*

viii. Jawatankuasa Kecil Pelesenan, Pengiklanan, Penjaja Kecil dan Penguatkuasa.

ix. Jawatankuasa Kecil Kebersihan dan Pengindahan

x. Jawatankuasa Kecil Kewangan

xi. Jawatankuasa Kecil Sosial, Pendidikan dan LA. 21

xii. Jawatankuasa Pelaburan, Penswastaan dan Hartanah

xiii. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperolehi pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

Majlis menggunapakai piawaian perakaunan yang telah diluluskan sebulat suara oleh Ahli-Ahli Majlis seperti berikut:-

2.1 ASAS PERAKAUNAN

2.1.1 Kos Sejarah

Penyata kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Ahli Majlis

2.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, carum bantu kadar, sewaan kecuali sewa kediaman, dewan, padang dan gelanggang, trek olahraga, peralatan, sistem audio, dan tapak penjaja. Notis dan faedah simpanan tetap berkonsepkan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan

secara Islam diambil kira berdasarkan asas tunai.

2.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

2.2 Tunai dan kesetaraan Tunai

Bagi tujuan Penyata Aliran Tunai, tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank dan di tangan, overdraf dan simpanan tetap yang mana risiko pertukaran nilai tunai adalah tidak signifikan. Kaedah penyediaan penyata aliran tunai adalah disediakan mengikut kaedah tidak langsung.

2.3 Manfaat Pekerja

2.3.1 Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan pada tahun ini di mana perkhidmatan yang berkaitan diberikan oleh pekerja Majlis Daerah Selama.

2.3.2 Pelan Sumbangan Yang Diiktiraf

Majlis membayar caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) serta Kumpulan Wang Persaraan dan caruman tersebut diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan bila ia tertanggung.

2.4 Rosotnilai Aset

Nilai dibawa aset akan dinilai sama ada terdapat tanda-tanda rosotnilai. Rosotnilai diukur dengan membandingkan nilai dibawa dan nilai boleh pulih aset berkenaan.

Kerugian rosotnilai diambil kira di dalam penyata pendapatan. Penambahan selanjutnya dalam nilai boleh pulih aset tersebut diambil kira sebagai pengembalian semula terhadap kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf setakat tahap nilai dibawa aset tersebut yang boleh dipastikan (setelah ditolak pelunasan dan susutnilai) seandainya tiada kerugian rosotnilai yang diiktiraf sebelum ini. Pengembalian semula tersebut diambil kira di dalam penyata pendapatan.

2.5 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos

harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usia guna harta tersebut.

Harta Modal terbahagi kepada dua (2) kumpulan iaitu:- Harta Modal (Aset Alih Dipermodalkan) Aset Alih yang harga perolehan asalnya RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) atau lebih setiap satu unit. Aset Alih Bernilai Rendah (Aset Alih Tidak Dipermodalkan) Aset Alih yang harga perolehan asalnya kurang daripada RM2,000.00 (Ringgit Malaysia Dua Ribu) setiap unit akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan.

Harta yang dibeli sebelum atau pada 30hb. Jun akan disusutnilaikan setahun dan harta yang dibeli selepas 30hb. Jun akan disusutnilaikan pada tahun berikutnya.

Tanah milik bebas tidak disusutnilai.

Kadar-kadar tahun yang digunakan adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tanah Milik Pajakan | : | Tempoh Pajakan 99 tahun |
| Bangunan | : | 2% setahun |
| Gerai | : | 5% setahun |
| Kenderaan | : | 20% setahun |
| Peralatan | : | 20% setahun |
| Perabot dan Kelengkapan Pejabat | : | 20% setahun |

2.6 Carum Bantu Kadar

Pemberian Carum Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada caruman/ pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

2.7 Pendapatan Geran

2.7.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerjaan Yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambil kira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat harta berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susutnilai yang dikenakan.

2.7.2 Geran pengurusan yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pendapatan Tertangguh—Geran Kerajaan Mengurus dan akan diambil kira di dalam penyata pendapatan dalam tahun sama di mana geran tersebut digunakan bagi perbelanjaan yang telah dibenarkan.

2.8 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—*(sambungan)*

2.9 Kemudahan Awam

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan awam dan tidak diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diambil kira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

2.10 Penghutang

Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu sebanyak 5% setahun. Elaun khas diwujudkan bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

2.11 Hapus Kira Hutang Lapuk

Hutang-hutang lapuk yang dikenal pasti akan dihapus kira dan diiktiraf sebagai belanja dalam tahun.

2.12 GST

Mulai 1 April 2015 Majlis telah melaksanakan GST berdasarkan Bahagian 8, Seksyen 64 Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014. GST tidak dikenakan bagi perkhidmatan yang berkaitan dengan fungsi penguatkuasaan dan kawal selia seperti cukai taksiran, lesen dan denda dan hukuman. Terdapat 2 jenis cukai seperti berikut:

i) Cukai Output

Cukai yang dikenakan ke atas hasil yang diterima daripada pengguna. Aktiviti yang melibatkan perkhidmatan terus rakyat, GST diserap oleh Majlis manakala aktiviti yang berbentuk komersial GST dikenakan kepada pengguna. Pengiraan GST berdasarkan asas tunai.

ii) Cukai Input

Adalah cukai ke atas perolehan barang dan perkhidmatan. Pengiraan GST cukai input berdasarkan asas tunai.

3. Pemilikan Tanah

Tanah-tanah yang dipohon telah pun diberi hakmilik dengan Pajakan Negeri, Pajakan Mukim, Geran Mukim dan Hakmilik Sementara.

## 4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

| Tahun 2016 | Tanah | Bangunan | Gerai | Kenderaan | Peralatan | Perabot dan Kelengkapan Pejabat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Kos Asal/Nilaian | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 706,506 | 15,523,731 | 2,897,895 | 1,634,385 | 275,785 | 635,494 | 21,673,796 |
| Tambahan | 0 | 1,629,468 | 14,750 | 70,629 | 13,130 | 68,945 | 1,796,922 |
| Pelarasan | 0 | (1) | 0 | 1 | 1 | (1) | 0 |
| Baki Akhir Tahun | 706,506 | 17,153,198 | 2,912,645 | 1,705,015 | 288,916 | 704,438 | 23,470,718 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 119,400 | 4,120,161 | 1,838,634 | 1,077,293 | 267,032 | 497,109 | 7,919,629 |
| Susutnilai Semasa | 7,136 | 316,756 | 105,443 | 200,874 | 3,806 | 55,168 | 689,183 |
| Pelarasan | 0 | (1) | (7) | 1 | (3) | (7) | (3) |
| Baki Akhir Tahun | 126,536 | 4,436,916 | 1,944,084 | 1,278,168 | 270,835 | 552,270 | 8,608,809 |
| Nilai Buku Bersih | 579,970 | 12,716,282 | 968,561 | 426,847 | 18,081 | 152,168 | 14,861,909 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—*(sambungan)*

| Tahun 2015 | Tanah | Bangunan | Gerai | Kenderaan | Peralatan | Perabot dan Kelengkapan Pejabat | Jumlah |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM | RM | RM |
| Kos Asal/Nilaian | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 706,506 | 15,013,301 | 2,897,895 | 1,568,978 | 274,785 | 579,404 | 21,040,869 |
| Tambahan | 0 | 510,430 | 0 | 65,407 | 1,000 | 56,090 | 632,927 |
| Baki Akhir Tahun | 706,506 | 15,523,731 | 2,897,895 | 1,634,385 | 275,785 | 635,494 | 21,673,796 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 112,264 | 3,821,451 | 1,731,939 | 876,419 | 262,637 | 462,735 | 7,267,445 |
| Susutnilai Semasa | 7,136 | 298,710 | 106,704 | 200,874 | 4,395 | 34,374 | 652,193 |
| Pelupusan | 0 | 0 | (9) | 0 | 0 | 0 | (9) |
| Baki Akhir Tahun | 119,400 | 4,120,161 | 1,838,634 | 1,077,293 | 267,032 | 497,109 | 7,919,629 |
| Nilai Buku Bersih | 587,106 | 11,403,570 | 1,059,261 | 557,092 | 8,753 | 138,385 | 13,754,167 |

5. KERJA DALAM PELAKSANAAN

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 393,994 | 0 |
| | 393,994 | 0 |

6. PENGHUTANG

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 284,960 | 237,752 |
| Carum Bantu Kadar Badan Berkanun | 66,312 | 33,851 |
| Sewaan | 122,117 | 85,188 |
| Notis E | 91,451 | 68,979 |
| Waran F | 78 | 78 |
| Air Penyewa Gerai | 13,406 | 13,406 |
| Penghutang GST | 49,484 | 10,941 |
| | 627,808 | 450,195 |
| Tolak: Elaun Hutang Ragu Terkumpul | | |
| Cukai Taksiran Am | 78,807 | 67,957 |
| Sewaan | 39,546 | 36,432 |
| Notis E | 15,469 | 11,448 |
| | 133,822 | 115,837 |
| | 493,986 | 334,358 |

7. PENDAHULUAN PINJAMAN

7.1 PENDAHULUAN PINJAMAN KENDERAAN

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 1hb. Jan | 10,351 | 9,964 |
| Campur: | | |
| Pinjaman Diberi Dalam Tahun | 0 | 4,700 |
| Tolak: | | |
| Bayaran Balik Dalam Tahun | (4,471) | (4,313) |
| Baki pada 31hb. Disember | 5,880 | 10,351 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—*(sambungan)*

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| 7.2 PENDAHULUAN PINJAMAN KOMPUTER | | |
| Baki pada 1hb. Jan | 18,154 | 15,840 |
| Campur: | | |
| Pinjaman Diberi Dalam Tahun | 10,000 | 10,000 |
| Tolak: | | |
| Bayaran Balik Dalam Tahun | (11,037) | (7,686) |
| Baki pada 31hb. Disember | 17,117 | 18,154 |
| JUMLAH PENDAHULUAN PINJAMAN | 22,997 | 28,505 |

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| 8. BAYARAN TERDAHULU | | |
| Insuran Premium | 9,891 | 19,240 |
| Lesen Memandu | 62 | 35 |
| | 9,953 | 19,275 |

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| 9. CAGARAN DIBAYAR | | |
| Cagaran Air | 8,103 | 8,103 |
| | 8,103 | 8,103 |

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| 10. WANG DI BANK DAN DI TANGAN | | |
| Akaun Semasa | 280,729 | 109,597 |
| Akaun Wang Pertaruhan | 173,071 | 134,513 |
| Akaun Wang Perkhidmatan Kemajuan | 1,622,418 | 511,471 |
| Akaun Program Kemiskinan Bandar | 2,861 | 2,861 |
| Akaun Ransangan Ekonomi | 786 | 807 |
| Akaun MDSelama Online | 22,668 | 14,581 |
| Akaun BSN | 29,944 | 18,221 |
| Akaun Rumah Rehat | 18,265 | 20,633 |
| Akaun Jalanraya | 4,140 | 12,335 |
| Panjar Wang Runcit | 1,000 | 500 |

| | 2015 RM | 2014 RM |
|---|---|---|
| Panjar Wang Runcit Rumah Rehat | 1,000 | 500 |
| Mesin Franking dan Setem | 580 | 611 |
| Touch N Go | 798 | 789 |
| | 2,158,260 | 827,419 |

11. SIMPANAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| BSN 822142000012930 | 52,889 | 50,000 |
| BSN 822142000012948 | 52,889 | 50,000 |
| BSN 822142000012956 | 52,889 | 50,000 |
| | 158,667 | 150,000 |

12. PEMIUTANG

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran audit | 9,086 | 9,086 |
| Cek Tidak Tuntut | 8,966 | 3,582 |
| Pelbagai Pemiutang | 193,670 | 135,188 |
| | 211,722 | 147,856 |

13. TERIMAAN TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 5,488 | 5,504 |
| Carum Bantu Kadar | 0 | 120 |
| Sewaan | 973 | 1,392 |
| Bayaran Peguam | 320 | 320 |
| | 6,781 | 7,336 |

14. CAGARAN DITERIMA

| | | |
|---|---|---|
| Cagaran Sewa dan Lain-Lain | 254,766 | 221,250 |
| | 254,766 | 221,250 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—*(sambungan)*

| | 2016<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| 15. KUMPULAN WANG | | |
| 15.1 KUMPULAN WANG TERKUMPUL | | |
| Lebihan/(kurangan) Pendapatan | | |
| atas Perbelanjaan bagi tahun: | 36,753 | (39,662) |
| Baki pada 1hb. Jan | 1,666,293 | 1,715,264 |
| Jumlah Pelarasan:- | | |
| Akaun Pemiutang | (7,809) | (9,858) |
| Akaun Penghutang | 33,648 | 545 |
| Akaun Terimaan Terdahulu | 555 | 0 |
| Pelarasan dalam tahun | 27,236 | 0 |
| Susutnilai | 2 | 4 |
| | (53,632) | 9,309 |
| Baki selepas pelarasan | 1,719,925 | 1,705,955 |
| Baki pada 31hb. Dis | 1,756,678 | 1,666,293 |
| 15.2 KUMPULAN WANG PERKHIDMATAN KEMAJUAN | | |
| Baki pada 1hb. Jan | 511,038 | 300,170 |
| Pelarasan dalam tahun | 7,786 | 0 |
| Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 2,068,581 | 1,221,623 |
| Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | (957,635) | (1,010,755) |
| Baki pada 31hb. Dis | 1,629,770 | 511,038 |
| 15.3 KUMPULAN WANG PENDAHULUAN PINJAMAN | | |
| Baki pada 1hb. Jan | 104,000 | 104,000 |
| Baki pada 31hb. Dis | 104,000 | 104,000 |

| | | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|---|
| 15.4 | KUMPULAN WANG PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR | | |
| | Baki pada 1hb. Jan | 2,861 | 5,221 |
| | Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 0 | 3,594 |
| | Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | 0 | (5,954) |
| | Baki pada 31hb. Dis | 2,861 | 2,861 |
| 15.5 | KUMPULAN WANG RUMAH REHAT | | |
| | Baki pada 1hb. Jan | 21,063 | 24,121 |
| | Pelarasan dalam tahun | 42,941 | 0 |
| | Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 282,447 | 230,774 |
| | Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | (284,815) | (233,832) |
| | Baki pada 31hb. Dis | 61,636 | 21,063 |
| 15.6 | KUMPULAN WANG AMANAH JALANRAYA | | |
| | Baki pada 1hb. Jan | 13,046 | 27,394 |
| | Pelarasan dalam tahun | (13) | 0 |
| | Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 72,482 | 61,488 |
| | Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | (80,677) | (75,836) |
| | Baki pada 31hb. Dis | 4,838 | 13,046 |
| 15.7 | KUMPULAN WANG RANGSANGAN EKONOMI | | |
| | Baki pada 1hb. Jan | 818 | 0 |
| | Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 0 | 828 |
| | Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | 0 | (10) |
| | Baki pada 31hb. Dis | 818 | 818 |
| 15.8 | KUMPULAN WANG CAJ PEMAJUAN | | |
| | Baki pada 1hb. Jan | 0 | 0 |
| | Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 159,600 | 0 |
| | Baki pada 31hb. Dis | 159,600 | 0 |
| JUMLAH KUMPULAN WANG-KUMPULAN WANG | | 3,720,201 | 2,319,119 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—*(sambungan)*

16. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan Geran Kerajaan berkaitan dengan hartanah, loji dan peralatan.

| Tahun 2016<br>Jenis Harta | Baki Pada 01.01.2016<br>RM | Pelarasan Awal Tahun<br>RM | Tambahan Dalam Tahun<br>RM | Jumlah Peruntukan Kepada Pendapatan Jangkamasa<br>RM | Baki Pada 31.12.2016<br>RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Bangunan | 10,786,136 | 0 | 1,629,468 | (297,901) | 12,117,703 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 0 | 0 | 393,994 | 0 | 393,994 |
| Gerai | 1,058,258 | (3) | 14,750 | (104,944) | 968,061 |
| Kenderaan | 466,205 | 0 | 16,400 | (168,512) | 314,093 |
| Peralatan | 5,069 | 4 | 13,130 | (2,418) | 15,785 |
| Perabot dan Kelengkapan Pejabat | 110,598 | 0 | 35,079 | (40,914) | 104,763 |
| | 12,426,266 | 1 | 2,102,821 | (614,689) | 13,914,399 |

| Tahun 2015<br>Jenis Harta | Baki Pada 01.01.2015<br>RM | Pelarasan Awal Tahun<br>RM | Tambahan Dalam Tahun<br>RM | Jumlah Peruntukan Kepada Pendapatan Jangkamasa<br>RM | Baki Pada 31.12.2015<br>RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Bangunan | 10,555,561 | 0 | 510,430 | (279,855) | 10,786,136 |
| Gerai | 1,164,457 | 5 | 0 | (106,204) | 1,058,258 |
| Kenderaan | 634,717 | 0 | 0 | (168,512) | 466,205 |
| Peralatan | 8,076 | 0 | 0 | (3,007) | 5,069 |
| Perabot dan Kelengkapan Pejabat | 88,720 | 0 | 46,980 | (25,102) | 110,598 |
| | 12,451,531 | 5 | 557,410 | (582,680) | 12,426,266 |

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| **17. HASIL CUKAI** | | |
| Cukai Taksiran Am | 564,040 | 546,285 |
| Carum Bantu Kadar | 149,190 | 149,190 |
| | 713,230 | 695,475 |
| **18. HASIL BUKAN CUKAI** | | |
| Lesen dan Bayaran Pendaftaran | 177,435 | 197,811 |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 103,939 | 58,961 |
| Perolehan dari Jualan Barang-barang | 99,165 | 9,453 |
| Sewaan | 709,784 | 636,558 |
| Faedah dan Perolehan dari Pelaburan | 13,880 | 7,603 |
| Denda dan Hukuman | 96,074 | 76,798 |
| Terimaan Pelbagai | 0 | 122,696 |
| | 1,200,277 | 1,109,880 |
| **19. TERIMAAN BUKAN HASIL** | | |
| Sumbangan Kerajaan Persekutuan | 897,907 | 890,866 |
| Sumbangan Kerajaan Negeri | 990,000 | 850,000 |
| Pemberian Untuk Selenggara Jalanraya | 77,848 | 0 |
| Terimaan Yang Lain | 151,504 | 17,828 |
| Pindahan dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | 614,689 | 582,679 |
| | 2,731,948 | 2,341,373 |
| **20. EMOLUMEN** | | |
| Gaji dan Upah | 1,667,658 | 1,567,020 |
| Elaun Tetap | 584,321 | 489,727 |
| Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 294,055 | 273,134 |
| Elaun Lebih Masa | 188,811 | 173,904 |
| Faedah Kewangan | 122,120 | 99,152 |
| | 2,856,965 | 2,602,937 |
| **21. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN** | | |
| Perbelanjaan Perjalanan dan Sara Hidup | 32,228 | 39,086 |
| Pengangkutan Barang-barang | 1,471 | 0 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016—*(sambungan)*

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| Perhubungan dan Utiliti | 404,787 | 373,782 |
| Sewaan | 100 | 0 |
| Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan | 135,217 | 118,477 |
| Bekalan dan Bahan-bahan | 67,039 | 47,284 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli | 68,791 | 38,761 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti | 184,707 | 175,677 |
| | 894,340 | 793,067 |

22. HARTA MODAL

| | | |
|---|---|---|
| Harta Modal Yang Lain (Inventori) | 42,990 | 5,475 |
| | 42,990 | 5,475 |

23. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP

| | | |
|---|---|---|
| Pemberian Dalam Negeri | 9,990 | 39,990 |
| Gantian Cuti Rehat | 10,598 | 3,135 |
| | 20,588 | 43,125 |

24. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN

| | | |
|---|---|---|
| Bayaran-bayaran Yang Lain | 86,051 | 75,064 |
| Perbelanjaan Bukan Kewangan | 18,585 | 14,529 |
| | 104,636 | 89,593. |

25. KERJA DALAM PELAKSANAAN

Projek membina 5 Unit Bengkel Pejabat 2 Tingkat bernilai RM945,733 di atas Lot 8595 Kampung Tengah, Majlis Daerah Selama telah dimulakan

dalam tahun 2016 tetapi masih lagi belum selesai sehingga akhir tahun 2016.

26. ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian dari angka-angka perbandingan telah disusun semula di mana perlu untuk disesuaikan dengan persembahan semasa penyata kewangan ini.

**No. 2684.**

SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI
PENYATA KEWANGAN MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

*Pendapat*

Penyata Kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran lmbangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 6 hingga 21.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171 ).

*Asas Kepada Pendapat*

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Tanjong Malim dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

*Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya*

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim

tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

*Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171 ). Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Tanjong Malim untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

*Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan*

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Tanjong Malim, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan telah disusun semula untuk menyesuaikan dengan persembahan tahun ini.

**No. 2685.**

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

*Pendapat*

Penyata Kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2016 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 5 hingga 16.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu pada 31 Disember 2016 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun

berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan oleh Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171).

*Asas Kepada Pendapat*

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan The International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

*Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain*

Saya adalah bebas daripada Majlis Daerah Pengkalan Hulu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan The International Standards of Supreme Audit Institutions.

*Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya*

Ahli Majlis Majlis Daerah Pengkalan Hulu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Majlis Daerah Selama tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

*Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan*

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan Ahli Majlis dan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (*Akta 171*), Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu adalah bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Daerah Pengkalan Hulu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

*Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan*

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan,

dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Daerah Pengkalan Hulu.

c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis.

d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Daerah Pengkalan Hulu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya . dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.

e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu memberi gambaran yang saksama.

Saya telah berkomunikasi dengan Ahli Majlis, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan

termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

*Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain*

Berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171), saya juga melaporkan bahawa pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Majlis Daerah Pengkalan Hulu telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta.

*Hal-hal lain*

Laporan ini dibuat untuk Ahli Majlis dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.

t.t.

ROKIAH BINTI SAAD
*b.p. Ketua Audit Negara*
*Malaysia*

IPOH
5 Jun 2017

PENYATAAN OLEH AHLI-AHLI MAJLIS
MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU
PERAK DARUL RIDZUAN

Kami, K.Kannesan a/l K.Krishnan dan Ten Nga Nga yang merupakan Ahli Majlis Daerah Pengkalan Hulu dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Pengkalan Hulu pada 31 Disember 2016 dan hasil kendaliannya dan perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

t.t.

K.KANNESAN A/L K.KRISHNAN
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Pengkalan Hulu*
*Tarikh: 16 Mar 2017*

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis,

t.t.

TEN NGA NGA
*Ahli Majlis*
*Majlis Daerah Pengkalan Hulu*
*Tarikh: 16 Mar 2017*

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU PERAK DARUL RIDZUAN

Saya, Muhamad Uzir bin Mohd Tahir, Pegawai Utama yang bertanggungjawab ke atas kewangan Majlis Daerah Pengkalan Hulu, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh )
penama yang tersebut di atas )
di Pejabat Majlis Daerah Pengkalan )
Hulu pada 16 May 2017 )

t.t.
..........................................................
MUHAMAD UZIR BIN MOHD TAHIR
*Yang Dipertua*
*Majlis Daerah Pengkalan Hulu*

Di hadapan saya,
t.t.
ZULHIZAM BIN MOHAMAD
Pesuruhjaya Sumpah
Negeri Perak

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2016

| | NOTA | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|---|
| ASET BUKAN SEMASA | | | |
| Hartanah, Loji dan Peralatan | 4 | 15,887,917 | 15,703,430 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 5 | 480,482 | - |
| | | 16,368,399 | 15,703,430 |
| ASET SEMASA | | | |
| Penghutang | 6 | 524,610 | 405,741 |
| Pendahuluan Pinjaman | 7 | 5,000 | 9,642 |
| Bayaran Terdahulu | 8 | 13,346 | 12,291 |
| Cagaran Dibayar | 9 | 9,500 | 9,500 |
| Simpanan Tetap | 10 | 1,501,984 | 1,480,500 |
| Wang di Bank dan di Tangan | 11 | 1,349,711 | 1,993,027 |
| | | 3,404,151 | 3,910,701 |

| | | | |
|---|---|---|---|
| LIABILITI SEMASA | | | |
| Pemiutang | 12 | 161,747 | 151,907 |
| Terimaan Terdahulu | 13 | 6,545 | 3,011 |
| Cagaran Diterima | 14 | 218,253 | 222,124 |
| Pinjaman Jangka Pendek | 26 | 58,424 | 56,177 |
| | | 444,969 | 433,219 |
| ASET SEMASA BERSIH | | 2,959,182 | 3,477,482 |
| | | 19,327,581 | 19,180,912 |
| Dibiayai oleh: | | | |
| Kumpulan Wang Terkumpul | 15 | 2,896,476 | 2,544,167 |
| Kumpulan Wang Lain-lain | 15 | 754,779 | 1,467,249 |
| Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan | 16 | 14,946,823 | 14,381,569 |
| | | 18,598,078 | 18,392,985 |
| LIABILITI BUKAN SEMASA | | | |
| Pinjaman Jangka Panjang | 26 | 729,503 | 787,927 |
| | | 19,327,581 | 19,180,912 |

PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | NOTA | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|---|
| PENDAPATAN | | | |
| Hasil Cukai | 17 | 1,676,493 | 1,445,245 |
| Hasil Bukan Cukai | 18 | 955,883 | 740,908 |
| Terimaan Bukan Hasil | 19 | 1,938,978 | 1,953,932 |
| JUMLAH | | 4,571,354 | 4,140,085 |
| PERBELANJAAN | | | |
| Emolumen | 20 | 2,269,985 | 2,035,667 |
| Perkhidmatan dan Bekalan | 21 | 1,105,616 | 989,912 |
| Harta Modal | 22 | 66,742 | 48,718 |
| Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap | 23 | 49,210 | 85,486 |
| Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain | 24 | 87,203 | 53,756 |
| Perbelanjaan Bukan Kewangan | 25 | 694,865 | 745,889 |
| JUMLAH | | 4,273,621 | 3,959,428 |
| LEBIHAN PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN | | 297,733 | 180,657 |

# MAJLIS DAERAH PENGKALAN HULU
## PERAK DARUL RIDZUAN
## PENYATA PERUBAHAN EKUITI
## BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | Kumpulan Wang Terkumpul RM | Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan RM | Kumpulan Wang Pembangunan RM | Kumpulan Wang Lain-lain RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|
| Baki pada 1hb. Januari 2015 | 2,358,934 | 80,000 | 449,440 | 1,203 | 2,889,577 |
| Lebihan Pendapatan Bagi Tahun | 180,657 | - | - | - | 180,657 |
| Tambahan | - | - | 2,310,679 | 91,888 | 2,402,567 |
| Perbelanjaan | - | - | (1,465,961) | - | (1,465,961) |
| Baki pada 31hb. Disember 2015 | 2,539,591 | 80,000 | 1,294,158 | 93,091 | 4,006,840 |
| Pelarasan Tahun Lalu | 4,576 | - | - | - | 4,576 |
| Baki pada 31hb. Disember 2015 Dinyatakan Semula | 2,544,167 | 80,000 | 1,294,158 | 93,091 | 4,011,416 |
| Lebihan Pendapatan Bagi Tahun | 297,733 | - | - | - | 297,733 |
| Tambahan Sumbangan Semasa | - | - | 1,370,917 | 100,535 | 1,471,452 |
| Perbelanjaan | - | - | (2,183,922) | - | (2,183,922) |
| Pelarasan dalam Tahun | 54,576 | - | - | - | 54,576 |
| Baki pada 31hb. Disember 2016 | 2,896,476 | 80,000 | 481,153 | 193,626 | 3,651,255 |

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2016

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI | | |
| Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan | 297,733 | 180,657 |
| Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan wang tunai:- | | |
| Faedah Pelaburan | (8,883) | (29,400) |
| Susutnilai | 694,865 | 745,864 |
| Pelarasan tahun lalu | 54,576 | 4,576 |
| Pindahan dari pemberian kerajaan dimodalkan | (637,291) | (680,667) |
| Belanja pelupusan | - | 23 |
| Lebihan pendapatan sebelum perubahan modal kerja | 401,000 | 221,053 |
| Pertambahan Dalam Penghulang | (118,869) | (171,668) |
| Pengurangan Dalam Pendahuluan Pinjaman | 4,642 | 5,649 |
| Pengurangan dalam Bayaran Terdahulu | 1,055 | 4,861 |
| Pertambahan dalam Pemiutang | 9,840 | 15,260 |
| Pertambahan/(Pengurangan) dalam Terimaan Terdahulu | 3,534 | (10,909) |
| (Pengurangan)/Pertambahan dalam Cagaran Diterima | (3,871) | 567 |
| (Pengurangan)/Pertambahan Kumpulan Wang Lain-Lain | (717,568) | 938,351 |
| Tunai Bersih (Digunakan)/Dihasilkan Daripada Aktiviti Operasi | (420,237) | 1,003,164 |
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN | | |
| Faedah Pelaburan Diterima | 8,883 | 29,400 |
| Pembelian Hartanah, Loji dan Peralatan | (154,301) | (2,000) |
| Tunai Bersih (Digunakan)/Dihasilkan Daripada Aktiviti Pelaburan | (145,418) | 27,400 |

| | | |
|---|---|---|
| ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN | | |
| Pembayaran Pinjaman | (56,177) | (54,016) |
| Tunai Bersih Digunakan Dalam Aktiviti Kewangan | (56,177) | (54,016) |
| (Pengurangan)/Pertambahan Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai | (621,832) | 976,548 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun | 3,473,527 | 2,496,979 |
| Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun | 2,851,695 | 3,473,527 |
| Tunai dan Kesetaraan Tunai Diwakili Oleh: | | |
| Simpanan Tetap | 1,501,984 | 1,480,500 |
| Wang Di Bank dan di Tangan | 1,349,711 | 1,993,027 |
| | 2,851,695 | 3,473,527 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Merancang, Mengurus dan Mengawal Pembangunan Majlis Daerah Pengkalan Hulu Sebagai Bandar Sempadan yang berdaya maju dan indah.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Mewujudkan kawasan bandar yang selesa, selamat dan harmoni melalui pembinaan keupayaan (Capacity Building) yang berterusan dalam pelbagai bidang.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 6 jabatan dan 2 unit iaitu:

1.3.1 Jabatan Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia Jabatan
1.3.2 Jabatan Perbendaharaan
1.3.3 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
1.3.4 Jabatan Kesihatan Awam
1.3.5 Jabatan Kejuruteraan & Pembangunan
1.3.6 Jabatan Perancang & Landskap
1.3.7 Unit Undang-Undang
1.3.8 Unit Pusat setempat

1.4 PERJAWATAN

| Kumpulan Perjawatan | Perjawatan | Taraf Jawatan | Diisi |
|---|---|---|---|
| Pengurusan dan Profesional | 1 | Tetap | 1 |
| Sokongan I & II | 60 | Tetap | 60 |
| | 6 | Kontrak | 5 |
| Jumlah | 67 | | 66 |

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 16 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberikan di bawah:

i. Akta Kerajaan Tempatan, 1976 (Akta 171)
ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
iii. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan
iv. Undang-undang Kecil yang diluluskan

Lembaga /Jawatankuasa-Jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

i. Jawatankuasa Perlantikan Anggota
ii. Jawatankuasa Kenaikan Pangkat
iii. Jawatankuasa Lembaga Tatatertib
iv. Jawatankuasa Tender/Sebut harga/Pelantikan Perunding
v. Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC)
vi. Jawatankuasa Bantahan Cukai Taksiran
vii. Jawatankuasa Tujuan-Tujuan Am
viii. Jawatankuasa Perancangan Bandar, Penamaan Jalan & Lalu Lintas.
ix. Jawatankuasa Pelesenan & Pengiklanan, Penjaja Kecil & Penguatkuasaan
x. Jawatankuasa Kebersihan, Pengindahan & Landskap
xi. Jawatankuasa Kewangan
xii. Jawatankuasa Pembangunan Hartanah & Penswastaan
xiii. Jawatankuasa Sosial, Pendidikan dan Local Agenda 21

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperolehi pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. RISIKO KECAIRAN DAN ALIRAN TUNAI

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam dana bagi memenuhi oblogasi semasa dan masa depan

yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasa.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

3.1. ASAS PERAKAUNAN

3.1.1 Kos Sejarah

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dinyatakan dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Ahli-Ahli Majlis.

3.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, carum bantu kadar, sewaan kecuali sewa kediaman, dewan, padang dan gelanggang, trek olahraga, peralatan, sistem audio, tapak penjaja dan notis. Faedah simpanan tetap berkonsepkan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan daripada Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara tunai.

iii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambil kira berdasarkan asas tunai.

3.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

3.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusut nilai menggunakan asas sama rata supaya kos

harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usia guna harta tersebut.

Harta yang berjumlah RM2000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai hartanah, loji dan peralatan. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM2000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan di penyata pendapatan.

Harta yang dibeli sebelum atau pada 30 Jun akan disusut nilaikan setahun dan harta yang dibeli selepas 30 Jun tidak diambil kira susut nilainya.

Tanah milik bebas tidak disusut nilai

Kadar-kadar tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:

Kadar-kadar tahun yang digunakan adalah seperti berikut:

| | | |
|---|---|---|
| Tanah Milik Pajak | : | Tempoh Pajakan 99 tahun |
| Bangunan | : | 2% setahun |
| Gerai, Green House dan Garage | : | 5% setahun |
| Komplek Mini Sukan | : | 5% setahun |
| Peralatan | : | 20% setahun |
| Kenderaan | : | 20% setahun |
| Perabot & Alat Kelengkapan | : | 20% setahun |

3.3 Carum Bantu Kadar

Pemberian Carum Bantu Kadar adalah berdasarkan kepada caruman/ pemberian yang diluluskan sama ada oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

3.4 Pendapatan Geran

3.4.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambil kira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat harta berkenaan yang bersamaan dengan jumlah susut nilai yang dikenakan.

3.4.2 Geran pengurusan yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pendapatan Tertangguh - Geran Kerajaan Mengurus dan akan diambil kira di dalam penyata pendapatan dalam tahun sama di mana geran tersebut digunakan bagi perbelanjaan yang telah dibenarkan.

3.5 Kerja Dalam Pelaksanaan

Kerja dalam pelaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum

disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

3.6 Pinjaman

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran lmbangan sebagai Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang - Pinjaman Dari Kerajaaan Negeri. Pinjaman Jangka Pendek adalah jumlah yang akan dibayar dalam masa setahun selepas tahun perakaunan.

3.7 Kemudahan Awam

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan awam dan tidak diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan dan diambil kira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

3.8 Penghutang

Penghutang dinyatakan setelah ditolak elaun hutang ragu. Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti akan dihapuskira dan elaun khas diwujudkan bagi hutang-hutang yang dianggap ragu untuk dikutip.

3.9 GST

Mulai 1 April 2015, majlis telah melaksanakan GST berdasarkan bahagian 8, Seksyen 64 Akta Cukai Barangan Dan Perkhidmatan yang berkaitan dengan fungsi penguatkuasaan dan kawal selia seperti cukai taksiran, lesen serta denda dan hukuman. Terdapat 2 jenis cukai seperti berikut:

i) Cukai Output

Cukai yang dikenakan ke atas hasil yang diterima daripada pengguna. Aktiviti yang melibatkan perkhidmatan terus rakyat, GST diserap oleh majlis, manakala aktiviti yang berbentuk komersial GST dikenakan kepada pengguna. Pengiraan GST berdasarkan asas tunai.

ii) Cukai input

Adalah cukai ke atas perolehan barang dan perkhidmatan. Pengiraan GST cukai input berdasarkan asas tunai.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2016

## 4. Hartanah, Loji dan Peralatan

| 2016 | Tanah Milik Pajak RM | Bangunan RM | Gerai RM | Green House RM | Garage RM | Kompleks Mini Sukan Podium RM | Kenderaan & Jentera RM | Peralatan RM | Perabut & Kelengkapan Pejabat RM | Perabut Chalet RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kos Asal/Nilaian | | | | | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 44,419 | 16,472,186 | 4,640,593 | 4,300 | 118,100 | 599,484 | 2,438,721 | 516,218 | 283,941 | 131,165 | 25,249,127 |
| Tambahan | - | 498,326 | 198,740 | - | - | - | 113,247 | 42,400 | 23,654 | - | 876,367 |
| Pelupusan | | - | - | (4,300) | - | - | - | - | - | - | (4,300) |
| Baki Akhir Tahun | 44,419 | 16,970,512 | 4,839,333 | - | 118,100 | 599,484 | 2,551,968 | 558,618 | 307,595 | 131,165 | 26,121,194 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 7,497 | 4,248,728 | 1,870,497 | 4,299 | 65,535 | 344,520 | 2,205,859 | 459,720 | 204,940 | 131,116 | 9,542,711 |
| Susutnilai Semasa | 449 | 329,444 | 223,340 | - | 5,905 | 23,177 | 82,845 | 18,301 | 11,404 | - | 694,865 |
| Pelupusan | - | - | - | (4,299) | - | - | - | - | - | - | (4,299) |
| Baki Akhir Tahun | 7,946 | 4,578,172 | 2,093,837 | - | 71,440 | 367,697 | 2,288,704 | 478,021 | 216,344 | 131,116 | 10,233,277 |
| Nilai Buku Bersih | 36,473 | 12,392,340 | 2,745,496 | - | 46,660 | 231,787 | 263,264 | 80,597 | 91,251 | 49 | 15,887,917 |

| 2015 | Tanah Milik Pajak RM | Bangunan RM | Gerai RM | Green House RM | Garage RM | Kompleks Mini Sukan Podium RM | Kenderaan & Jentera RM | Peralatan RM | Perabut & Kelengkapan Pejabat RM | Perabut Chalet RM | Jumlah RM |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Kos Asal/Nilaian | | | | | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 44,419 | 16,406,685 | 4,541,293 | 4,300 | 118,100 | 599,484 | 2,488,671 | 552,128 | 323,925 | 136,365 | 25,215,370 |
| Tambahan | - | 65,500 | 99,300 | - | - | - | - | 36,600 | 48,181 | - | 249,581 |
| Pelupusan | | - | - | - | - | - | (49,950) | (71,120) | (90,214) | (5,200) | (216,484) |
| Baki Akhir Tahun | 44,419 | 16,472,185 | 4,640,593 | 4,300 | 118,100 | 599,484 | 2,438,721 | 517,608 | 281,892 | 131,165 | 25,248,467 |
| Susutnilai Terkumpul | | | | | | | | | | | |
| Baki Awal Tahun | 7,048 | 3,905,519 | 1,647,298 | 4,299 | 59,630 | 321,343 | 2,176,124 | 479,951 | 278,098 | 136,306 | 9,015,616 |
| Susutnilai Semasa | 449 | 343,208 | 223,199 | - | 5,905 | 23,177 | 79,684 | 52,265 | 17,977 | - | 745,864 |
| Pelupusan | - | - | - | - | - | - | (49,949) | (71,108) | (90,196) | (5,190) | (216,443) |
| Baki Akhir Tahun | 7,497 | 4,248,727 | 1,870,497 | 4,299 | 65,535 | 344,520 | 2,205,859 | 461,108 | 205,879 | 131,116 | 9,545,037 |
| Nilai Buku Bersih | 36,922 | 12,223,458 | 2,770,096 | 1 | 52,565 | 254,964 | 232,862 | 56,500 | 76,013 | 49 | 15,703,430 |

5. KERJA DALAM PELAKSANAAN

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| Kerja Dalam Pelaksanaan | 480 482 | - |
| | 480,482 | - |

6. PENGHUTANG

| | | |
|---|---|---|
| Cukai Taksiran Am | 278,652 | 248,711 |
| Carum Bantu Kadar | 213,633 | 106,816 |
| Notis E | 4,431 | 4,773 |
| Sewa | 22,061 | 23,440 |
| Pelbagai | 7,596 | 30,163 |
| Penghutang GST | 6,399 | - |
| | 532,772 | 413,903 |
| Tolak: Elaun Hutang Ragu | | |
| Cukai Taksiran | (8,162) | (8,162) |
| | 524,610 | 405,741 |

7. PENDAHULUAN PINJAMAN

7.1 Pendahuluan Kenderaan

| | | |
|---|---|---|
| Baki pada 1hb. Jan | 9,642 | 15,291 |
| Campur: | | |
| Pinjaman Diberi Dalam Tahun | - | 5,000 |
| Tolak: | 9,642 | 20,291 |
| Bayaran Balik Dalam Tahun | 4,642 | 10,649 |
| Baki pada 31hb. Disember | 5,000 | 9,642 |

8. BAYARAN TERDAHULU

| | | |
|---|---|---|
| Insuran | 12,286 | 11,000 |
| Frangking Machine | 108 | 1,176 |
| Touch & Go | 952 | 115 |
| | 13,346 | 12,291 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2016—(*samb.*)

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| 9. CAGARAN DIBAYAR | | |
| Air/LAP | 9,500 | 9,500 |
| | 9,500 | 9,500 |

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| 10. SIMPANAN TETAP | | |
| Baki pada 1 hb. Jan | 1,480,500 | 1,475,837 |
| Campur: | | |
| Penambahan Dalam Tahun | 21 484 | 4 663 |
| | 1,501,984 | 1,480,500 |
| Tolak: | | |
| Pengeluaran Dalam Tahun | - | - |
| Baki pada 31 hb. Dis | | |
| | 1,501,984 | 1,480,500 |

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| 11. WANG DI BANK DAN DI TANGAN | | |
| Wang Dalam Bank | | |
| MBB, Pengkalan Hulu akaun semasa | 753,874 | 590,421 |
| MBB, Pengkalan Hulu pinjaman kenderaan | 79,682 | 73,946 |
| Panjar Wang Runcit | 1,000 | 500 |
| Bank Akaun PPKB | 252 | 252 |
| Bank Islam | 1,002 | 1,002 |
| Bank Akaun Pembangunan Khas | 513 901 | 1 326 906 |
| | 1,349,711 | 1,993,027 |

| | 2016<br>RM | 2015<br>RM |
|---|---|---|
| 12. PEMIUTANG | | |
| Bayaran audit | 12,730 | 11,603 |
| Pelbagai Pemiutang | 148,917 | 129,399 |
| Akaun Belum Terima | - | 4,560 |
| Cek Tidak DiTuntut/Cek Ganti | 100 | 6,345 |
| | 161,747 | 151,907 |

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| 13. TERIMAAN TERDAHULU | | |
| Cukai Taksiran Am | 794 | 816 |
| Sewaan | 5,701 | 2,145 |
| Elaun PKA/Peguam | 50 | 50 |
| | 6,545 | 3,011 |
| 14. CAGARAN DITERIMA | | |
| Pelbagai Cagaran | 138,683 | 149,414 |
| Wang Tahanan | 24,953 | 24,953 |
| Cagaran Sewa | 54 617 | 47,757 |
| | 218,253 | 222,124 |
| 15. KUMPULAN WANG | | |
| 15.1 Kumpulan Wang Terkumpul Lebihan Pendapatan atas Perbelanjaan bagi tahun: | 297,733 | 180,657 |
| Baki pada 1hb. Jan Seperti yang dilaporkan dahulu : | 2,544,167 | 2,358,934 |
| Pelarasan Tahun Depan: | 2,358,934 | 4,576 |
| Seperti yang dinyatakan semula | 2,598,743 | 2,363,510 |
| Baki pada 31hb. Dis | 2,896,476 | 2,544,167 |
| 15.2 Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan | | |
| Baki pada 1hb. Jan : | 80,000 | 80,000 |
| Baki pada 31hb. Dis : | 80,000 | 80,000 |
| 15.3 Kumpulan Wang Pembangunan | | |
| Baki pada 1hb. Januari | 1,294,158 | 449,440 |
| Pelarasan Dalam Tahun | - | - |
| Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 1,370,917 | 2,310,679 |
| Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | (2,183,922) | (1,465,961) |
| Baki pada 31 hb Dis: | 481,153 | 1,294,158 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2016—(*samb.*)

| | 2016 | 2015 |
|---|---|---|
| | RM | RM |
| 15.4 Kumpulan Wang Lain-lain | | |
| Baki pada 1hb. Jan | 93,091 | 1,203 |
| Tambah: Penerimaan Dalam Tahun | 100,535 | 91,888 |
| Tolak: Pembayaran Dalam Tahun | - | - |
| Baki pada 31hb. Dis | 193,626 | 93,091 |
| Jumlah Besar Kumpulan Wang Baki pada 31 hb Dis : | 3,651,255 | 4,011,416 |

16. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

lni merupakan geran kerajaan berkaitan dengan hartanah, loji dan per alatan.

| 2016 | Baki Pada 1 Januari | Tambahan | Reklasifikasi (Pelupusan) | Jumlah Diperuntukan Kepada Pendapatan Jangka masa | Baki Pada 31Disember |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Bangunan | 11,035,757 | 498,326 | - | (301,269) | 11,232,814 |
| Kerja Dalam Pelaksanaan | - | 480,482 | - | - | 480,482 |
| Garage | 42,005 | - | - | (4,945) | 37,060 |
| Gerai | 2,770,096 | 198,740 | - | (223,340) | 2,745,496 |
| Green House | 1 | - | (1) | - | - |
| Komplek Mini Sukan | 254,964 | - | - | (23,177) | 231,787 |
| Kenderaan | 171,534 | 15,800 | - | (60,332) | 127,001 |
| Peralatan | 56,171 | - | - | (17,992) | 38,178 |
| Perabot & Kelengkapan Pejabat | 50,997 | 9,200 | - | (6,236) | 53,961 |
| Perabot Chalet | 44 | - | - | - | 44 |
| | 14,381,569 | 1,202,548 | (1) | (637,291) | 14,946,823 |

| 2015 | Baki Pada 1 Januari | Tambahan | Reklasifikasi (Pelupusan) | Jumlah Diperuntukan Kepada Pendapatan Jangka masa | Baki Pada 31Disember |
|---|---|---|---|---|---|
| | RM | RM | RM | RM | RM |
| Bangunan | 11,285,290 | 65,500 | - | (315,033) | 11,035,757 |
| Garage | 46,950 | - | - | (4,945) | 42,005 |
| Gerai | 2,893,996 | 99,300 | - | (223,199) | 2,770,096 |
| Green House | 1 | - | - | - | 1 |
| Komplek Mini Sukan | 278,140 | - | - | (23,177) | 254,964 |
| Kenderaan | 228,707 | - | (1) | (57,172) | 171,534 |
| Peralatan | 70,837 | 36,600 | (9) | (51,257) | 56,171 |
| Perabot & Kelengkapan Pejabat | 10,705 | 46,181 | (5) | (5,884) | 50,997 |
| Perabot Chalet | 46 | - | (2) | - | 44 |
| | 14,814,672 | 247,581 | (17) | (680,667) | 14,381,569 |

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| **17. HASIL CUKAI** | | |
| Cukai Langsung | 850,107 | 618,859 |
| Caruman Bantu Kadar | 826,386 | 826,386 |
| | 1,676,493 | 1,445,245 |
| **18. HASIL BUKAN CUKAI** | | |
| Lesen, Permit dan Pendaftaran | 103,919 | 90,675 |
| Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan | 61,411 | 135,227 |
| Perolehan Dari Jualan Barang-Barang | 15,408 | 22,527 |
| Sewaan | 444,956 | 454,859 |
| Faedah Dan Perolehan Dari Pelaburan | 62,344 | 29,400 |
| Denda Dan Hukuman | 267,845 | 8,220 |
| | 955,883 | 740,908 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2016—(*samb.*)

| | 2016 RM | 2015 RM |
|---|---|---|
| 19. TERIMAAN BUKAN HASIL | | |
| Sumbangan Daripada Agensi Negeri | 1,301,686 | 1,273,264 |
| Pindahan dari Pemberian Kerajaan Dimodalkan | 637,292 | 680,668 |
| | 1,938,978 | 1,953,932 |
| 20. EMOLUMEN | | |
| Gaji dan Upah | 1,336,246 | 1,228,607 |
| Elaun Tetap | 514,739 | 405,256 |
| Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan | 239,417 | 216,974 |
| Elaun Lebih Masa | 82,403 | 87,435 |
| Faedah Kewangan Kakitangan Awam | 97,180 | 97,395 |
| | 2,269,985 | 2,035,667 |
| 21. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN | | |
| Perjalanan dan Sara Hidup | 58,079 | 55,213 |
| Pengangkutan Barang-barang | 671 | - |
| Perhubungan dan Utiliti | 347,600 | 274,649 |
| Sewaan | 4,469 | 4,487 |
| Bahan Makanan Dan Minuman | 136 | 252 |
| Bekalan Bahan Mentah untuk Selenggara | 147,836 | 155,289 |
| Bekalan dan Bahan Bahan | 111,595 | 92,282 |
| Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil yang Dibeli | 53,421 | 27,418 |
| Perkhidmatan Ikhtisas dan Perkhidmatan Hospitaliti yang dibeli | 381,809 | 380,322 |
| | 1,105,616 | 989,912 |
| 22. HARTA MODAL YANG LAIN | | |
| Bangunan dan Pembaikan Bangunan | 38,400 | 41,760 |
| Kemudahan dan Pembaikan Kemudahan | - | 2,000 |
| Harta Modal-Harta Modal Yang Lain | 28,342 | 4,958 |
| | 66,742 | 48,718 |

| | 2015<br>RM | 2014<br>RM |
|---|---|---|
| **23. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP** | | |
| Pemberian Dalam Negeri | 49,210 | 49,561 |
| Keuntungan atas pinjaman | - | 35,925 |
| | 49,210 | 85,486 |
| **24. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN** | | |
| lnsuran | 17,193 | 21,390 |
| Komisyen | 1,229 | 645 |
| Pokok Dan Benih | 4,987 | 2,990 |
| Cukai Tanah & Lain-lain | 30,033 | 28,731 |
| Faedah, Dividen & Lain-lain | 33,761 | - |
| | 87,203 | 53,756 |
| **25. PERBELANJAAN BUKAN KEWANGAN** | | |
| Belanja Susutnilai | 694,865 | 745,865 |
| Belanja Pelupusan | - | 24 |
| | 694,865 | 745,889 |
| **26. PINJAMAN** | | |
| Baki pada 1hb. Jan | 844,104 | 898,120 |
| Tambah: Diterima Dalam Tahun | - | - |
| Tolak: Dibayar Balik Dalam Tahun | (56,177) | (54,016) |
| Baki pada 31hb. Dis | 787,927 | 844,104 |

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2016—(*samb.*)

| | | |
|---|---|---|
| Diwakili oleh: | | |
| Jangka Pendek (Perlu dibayar dalam tempoh 12 bulan berikutnya) | 58,424 | 56,177 |
| Jangka Panjang (Perlu dibayar selepas tempoh 12 bulan berikutnya) | 729,503 | 787,927 |

Jadual bayaran balik pinjaman diterima dalam tahun 2013.

Pinjaman bagi membina tambahan bangunan dan aksesori pejabat Majlis Daerah Pengkalan Hulu berjumlah RM 1,000,000 ( 1juta ) telah diluluskan oleh Pejabat Kewangan Negeri Perak dan akan dibayar kepada Majlis secara tuntutan kerja siap bermula dari Ogos 2012. Pinjaman berbayar adalah selama 15 tahun. Bayaran ansuran pertama bermula tahun 2013 dan berakhir pada tahun 2027. Pinjaman ini merupakan pinjaman tidak bercagar dan dikenakan faedah.

27. ANGKA-ANGKA PERBANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka perbandingan telah dikelaskan semula untuk diselaraskan dengan persembahan tahun ini.

28 PROJEK USAHASAMA DIANTARA MDPH DENGAN GEMERSIK ANEKA SDN. BHD.

Perjanjian usaha sama telah dimeterai pada tahun 2010 diantara Majlis Daerah Pengkalan Hulu dengan Gemersik Aneka Sdn. Bhd. Untuk projek pembinaan bandar baru diatas tanah kerajaan dibawah kawalan Majlis seluas kira-kira 22.3875 ekar Mukim Pengkalan Hulu Daerah Hulu, Perak. Projek berkuatkuasa bermula daripada 23 Februari 2011 sehingga 22 Februari 2016.

Manafaat yang akan diperolehi Majlis adalah termaktub dalam perjanjian usahasama.

**Hakcipta Pencetak** Ⓗ
**PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD**
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada **Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).**

PNMB
DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJAAN MALAYSIA